

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MAC 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 35

Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra kembali beroperasi

Lapangan Terbang Sultan Ismail Putra kembali beroperasi

KOTA BHARU - Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) di sini kembali beroperasi sepenuhnya apabila penggunaannya kini hampir mencapai 100 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, penggunaan penuh LTSIP itu dilihat kembali normal sebagaimana sebelum pandemik Covid-19.

"Pemulihan ini cukup pantas dan sudah menyamai sebelum Covid-19 melanda."

"Hal ini kerana LTSIP mempunyai beberapa destinasi seperti Kuala Lumpur, Subang, Kuching, Kota Kinabalu, Johor dan Pulau Pinang serta Langkawi," katanya selepas mendengar taklimat berkaitan perkembangan terkini Projek LTSIP Pengkalan Chepa di sini pada Ahad.



Mustapa (dua dari kiri) bersama Ir Mohd Suhaili (kiri) turun padang melihat perkembangan terkini projek LTSIP Pengkalan Chepa pada Ahad.

Sebelum itu, Mustapa dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Kelantan, Ir Mohd Suhaili Ismail turun padang melihat perkembangan terkini projek tersebut.

Dalam perkembangan lain, Ahli Parlimen Jeli itu berkata, projek menaik taraf dan pembesaran itu mengalami

sedikit kelewatan akibat perintah kawalan pergerakan (PKP) dan kekurangan tenaga kerja.

Menurutnya, walaupun lewat selama 83 hari, namun pihaknya optimis projek itu dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada April 2024.